



# SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
BIL.05/2018

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## PERUBAHAN TERKINI MENGENAI PERMOHONAN LESEN PEKERJA ASING (LPA)

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa bermula **1hb Ogos 2018** bersamaan dengan **19hb Zulkaedah 1439**, Jabatan Buruh akan membuat beberapa perubahan mengenai dengan jenis dan kategori permohonan iaitu menjadikan permohonan LPA hanya 2 kategori permohonan iaitu permohonan **LPA Baru** dan **LPA Membaharui**. Selain daripada perubahan yang disebutkan di atas perubahan juga turut melibatkan penggunaan **Borang LPA** dan **Borang Pengesahan Alamat**.

Penerangan bagi perubahan – perubahan tersebut adalah seperti berikut:

### A. JENIS PERMOHONAN YANG DITERIMA MENGIKUT KATEGORI

Jenis permohonan yang diterima mengikut kategori adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PERMOHONAN	KATEGORI
1.	Pekerja Baru/Lesen Baru	<b>Baru</b>
2.	Pekerja Tambahan/Lesen Tambahan	<b>Baru</b>
3.	Pengesahan Pembatalan	<b>Baru</b>
4.	Penggantian Pekerja	<b>Baru</b>
5.	Membaharui Pekerja Sedia Ada/Lesen Membaharui	<b>Membaharui</b>
6.	Pertukaran Kontrak Pekerjaan ( <i>Transfer</i> )	<b>Membaharui</b>
7.	Menukar Jawatan	<b>Membaharui</b>
8.	Menukar Kadar Gaji	<b>Membaharui</b>
9.	Menukar Nama Syarikat	<b>Membaharui</b>
10.	Pengesahan Salinan Asal Lesen ( <i>CTC</i> )	<b>Membaharui</b>
11.	Pembatalan Lesen Pekerja Asing LPA/Kuota	<b>Membaharui</b>

28.

### **Tafsiran Permohonan Baru Dan Membaharui:**

**Permohonan Baru:** Pekerja yang dipohonkan **belum** ada di Negara Brunei Darussalam iaitu semua Permohonan Lesen Baru dan Lesen Tambahan LPA.

**Permohonan Membaharui:** Pekerja yang dipohonkan **sudah** ada di Negara Brunei Darussalam iaitu semua permohonan Lesen Membaharui, Pertukaran Kontrak, Pertukaran Jawatan, Naik Gaji, Tukar Nama Syarikat, Pengesahan Salinan Asal Lesen (CTC).

### **B. BORANG BARU LESEN PEKERJA ASING (LPA)**

Sepertimana yang sedia maklum sebelum ini permohonan LPA menggunakan sebanyak **5 jenis Borang** yang berbeza mengikut jenis permohonan. Sehubungan dengan itu bagi memudahkan dan melancarkan proses permohonan, satu borang baru akan digunakan bagi menggantikan borang-borang yang sedia ada yang mana permohonan LPA hanya menggunakan **satu borang sahaja** bagi semua jenis permohonan.

### **C. BORANG PENGESAHAN ALAMAT DI DALAM LESEN PEKERJA ASING**

Selain daripada penggunaan Borang Baru untuk Lesen Pekerja Asing, Borang Pengesahan Alamat juga akan digunakan bagi mengesahkan alamat-alamat yang dinyatakan dalam Lesen Pekerja Asing iaitu **tempat kegiatan syarikat** termasuk **pejabat** dan **alamat-alamat semua cawangan** bagi perusahaan/syarikat dan juga **alamat-alamat kediaman/tempat tinggal pekerja asing** di bawah jaminan syarikat tersebut.

Setiap majikan adalah **DIMESTIKAN** untuk mengisi borang ini bagi pengemaskinian alamat dengan menyertakan **Tenancy Agreement** bagi penyewaan tempat-tempat berkenaan. Begitu juga jika sekiranya ada **tambahan** tempat kegiatan, pejabat, cawangan baru dan juga tempat tinggal pekerja yang baru.

Majikan hendaklah mengisikan **Satu Borang Pengesahan Alamat bagi setiap kegiatan /mengikut rujukan PJB.**

Untuk makluman **BORANG LESEN PEKERJA ASING LPA** yang terkini dan juga **BORANG PENGESAHAN ALAMAT** bolehlah dimuat turun nanti melalui laman sesawang Jabatan Buruh [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn).

Sekian disampaikan untuk makluman mengenainya.

  
[ ZULHILMI BIN HAJI ABIDIN ]

Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Buruh  
**bp. Pesuruhjaya Buruh**

Tarikh: 4 Zulkaedah, 1439 / 17 Julai, 2018 (Selasa)

Ruj: PJB/3000/213/3